



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
NEGERI KUMPULAN LATIHAN KELANASISWA MALAYSIA
(INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA)

AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA (PERBADANAN) 1968 (AKTA 784) / THE SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA (INCORPORATION) ACT 1968 (ACT 784) | DAFTAR: PPM/N 17/1988 | "SCOUTS CREATING A BETTER WORLD"

Ruj. Kami: PLNg.KLKM/4K/2019(04)

Tarikh: 05 Mac 2019

SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN

SURAT SIARAN MENGIKUTI PROGRAM 6K (KURSUS KEMANTAPAN KETUA KREW KELANA) DAN PROGRAM 4K (KURSUS KETUA KREW KELANA) - KE ARAH BP AWARD PPM NEGERI KLKM TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM)** dengan kerjasama **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** akan mengadakan program tersebut di atas bagi tahun 2019 di bawah kelolaan **Jawatankuasa Program Negeri dan Pasukan Latihan Negeri KLKM**. Latihan ini adalah bertujuan untuk memenuhi syarat Lencana Kepimpinan dan Lencana Perkhidmatan serta melahirkan Pengakap Kelana ke arah Anugerah Baden-Powell (BPA) yang berkualiti.

3. Untuk makluman YBhg. Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan, perincian latihan tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	: 27 ~ 30 April 2019 (Sabtu - Selasa) - 4H/3M
Masa Daftar	: 27 April 2019 (Sabtu) 10.00 ~ 11.30pagi Beruniform Lengkap
Tempat	: Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor
Yuran	: Program 6K & 4K – RM100.00 (Kos penyertaan meliputi bahan latihan, sijil penyertaan, ceramah, penginapan, dewan, makan/minum, kemudahan aktiviti dan sebagainya).
Penginapan	: Berkhemah (Sila bawa keperluan perkhemahan secukupnya)
Makan/Minum	: Disediakan 3 kali sehari
Pakaian	: Uniform Pengakap Kelana (Lengkap), pakaian sukan, ibadah & harian (menutup aurat)
Peralatan	: DIGALAKKAN MEMBAWA LAPTOP . Segala kerosakan dan kehilangan adalah tanggungan sendiri. Sila bawa <u>ubatan peribadi dan sejadah</u> . Lain-lain peralatan akan diberitahu kemudian.

4. Oleh yang demikian, YBhg. Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan dipohon untuk melengkapkan borang penyertaan dan mengembalikannya (berbentuk softcopy sahaja) kepada **Encik Mazrul Hisyam B Ab Malik, Pesuruhjaya Pengakap Daerah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam** melalui emel: **mazrulhisyam@gmail.com (019-607 6700) SEBELUM ATAU PADA 22 April 2019 (ISNIN)**.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan dalam menjayakan program ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENGAKAP MENTRANSFORMASI GENERASI”

“KELANASISWA PEMANGKIN KELESTARIAN UNIVERSITI”

Saya yang menurut perintah,



PROF. MADYA DR. HJ. ABDUL RASHID BIN MOHAMAD, PJK.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri

Persekutuan Pengakap Malaysia

Negeri Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia

s.k : Pengerusi Majlis Pengakap Negeri PPM Negeri KLKM
: Ketua Penolong Pengarah, BPK, JPP, KPT
: Penolong Pengarah, BPMs, JPT, KPT
: Pesuruhjaya Pengakap Daerah PPM Daerah KLKM IKTBN Chembong